

لَنْ تُبَدُّوا الصَّدَقَتِ فَبِعَمَّا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Al-Baqarah : ayat 271

Maksud:

Jika kamu zahirkan sedekah itu, maka itu adalah baik, dan jika kamu sembunyikan sedekah itu serta diberikan kepada fakir miskin, maka ia adalah baik bagi kamu. Dan Allah SWT akan menghapuskan daripada kamu sebahagian daripada kesalahanmu. Dan Allah SWT Maha Mengetahui apa yang kamu lakukan.

(iii) Huraikan hujah anda untuk menyokong ayat al-Quran di atas. [4 markah]

2 (a) Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang teguh kepada al-Quran dan al-Sunnah.

(i) Senaraikan **dua** nama lain golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]

(ii) Jelaskan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang isu-isu berikut:

a) Adakah al-Quran makhluk?

b) Melihat Allah SWT.

[2 markah]

(iii) Terangkan kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

[2 markah]



(iv) Berdasarkan gambar di atas, mengapakah pihak berkuasa di Malaysia bertindak sedemikian? Huraikan.

[4 markah]

(b) Al-Jabbar ialah antara nama-nama Allah SWT yang indah.

(i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Jabbar.

[2 markah]

(ii) Terangkan **dua** akibat bersikap takbur dan sombong dalam kehidupan bermasyarakat.

[4 markah]

Islam melarang umatnya bersikap sombong, riak dan takbur dalam kehidupan.

(iii) Bagaimanakah anda menjauhi sikap tersebut? Kaitkan dengan keimanan terhadap sifat Allah SWT al-Jabbar.

[4 markah]